

CONFIDENTIAL

2020-003

ISNIN, 09 MAC 2020

**CARUMAN SYER PEKERJA 11% KEPADA 7% PADA UPAH APRIL 2020
SEHINGGA DISEMBER 2020**


Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

Merujuk kepada Paket Rangsangan Ekonomi 2020 yang diumumkan oleh Kerajaan pada 27 Februari 2020 berkaitan kadar caruman berkanun syer pekerja baharu, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan ini menjelaskan bahawa kadar caruman berkanun syer pekerja akan dikurangkan daripada 11 peratus kepada tujuh (7) peratus. Penjelasan lanjut berkenaan pengurangan kadar caruman berkanun syer pekerja ini adalah seperti berikut:

1. Kadar caruman berkanun syer pekerja baharu ini akan berkuatkuasa mulai upah pekerja bulan April 2020 (caruman Mei 2020) sehingga upah pekerja bulan Disember 2020 (caruman Januari 2021), tertakluk kepada Jadual Ketiga Akta KWSP 1991.
2. Kadar caruman berkanun syer pekerja baharu ini adalah terpakai untuk pekerja berumur bawah 60 tahun yang wajib mencarum. Manakala kadar caruman berkanun untuk pekerja berumur 60 tahun dan ke atas adalah kekal.

Ahli boleh membuat pilihan untuk mengekalkan caruman syer pekerja pada kadar 11 peratus dengan melengkapkan Borang KWSP 17A (Khas 2020).

HR Dept. akan mengagihkan borang ke Head Of Department setiap bahagian bagi mendapatkan persetujuan untuk pekerja yang ingin mengekalkan syer pekerja kepada 11% dan hendaklah dipulangkan kembali selewat-lewatnya pada 27 March 2020 (Jumaat).



CONFIDENTIAL



Sebarang pertanyaan berkenaan perkara diatas boleh diajukan kepada HR department untuk penjelasan lanjut.

Sekian, harap maklum.

Yang Benar,
untuk dan bagi pihak

GALAXY AEROSPACE (M) SDN. BHD.

JUNIE ALIAS

ADMIN & HUMAN RESOURCE MANAGER

Hebahan :

1. Galaxy Aerospace.my whatsapp
2. GAMS OA

